



قجابه فربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Penolong Pegawai Kewangan Negeri : 09-7441024
(Khidmat Pengurusan)
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Rujukan : PKN.A.1/9-2/Jld.3(16)
Bertarikh : 29 Jamadil Akhir 1440H
04 Februari 2019M

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3/2019

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Yang Berhormat Dato'/Yang Amat Berbahagia Dato'/Yang Mulia/Tuan

KONTRAK BAGI MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA PERALATAN KOMPUTER KEPADA SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DI SELURUH KELANTAN BAGI TAHUN 2019

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Negeri (PKPN) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri, Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri mengenai pelaksanaan perolehan untuk membekal, memasang dan mengujiterima peralatan komputer di semua Jabatan Kerajaan Negeri seluruh Kelantan.
- 1.2 Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian pekeling ini. Manakala Ketua Jabatan Negeri perlu menerima pakai pekeling ini bagi setiap pembelian peralatan komputer bagi semua jabatan di bawah Kod 30000 (Aset) dan 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap).

2. PEMBEKAL KONTRAK PUSAT

2.1. Bagi perolehan setiap item peralatan komputer, Perbendaharaan Negeri telah bersetuju untuk mengikat kontrak dengan Syarikat-syarikat pembekal seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No.Telefon/No.Fax	Perincian Bank
1.	D Nasa (M) Sdn. Bhd. (357-02201534)	PT 1444, Bangunan Haji Din Anda, Jalan Long Yunus, 15200 KOTA BHARU. Tel.: 09-7414848 / 09-7414840 Fax : 09-7414846	Maybank Islamic Berhad No.Akaun Bank : 553010131479
2.	AAA Seri Enterprise (357-02200548)	No.137 kampung Penambang, Jalan PCB 15350 KOTA BHARU. Tel. : 09-7472269 019-9832554 Fax : 09-7472269	Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun Bank : 03036010053378
3.	Monaliza & Mastura Enterprise Sdn. Bhd. (357-02004656)	PT 2303, Jalan Hospital, Berek 12, 15200 KOTA BHARU. Tel.: 09-7419232 Fax : 09-7419234	RHB Bank No.Akaun Bank : 20305735023857
4.	East Computech System Sdn.Bhd. (357-01018140)	Lot 252-253, Seksyen 20, Jakan Kuala Krai 15050 KOTA BHARU. Tel. : 09-7479603, 09-7473001 Fax : 09-7479604	Bank Islam Malaysia Berhad No.Akaun Bank : 03018010073436
5.	AMCC IT SOUQ Center (357-02155909)	Lot 3.33 Tingkat 3, KB Mall 15050 KOTA BHARU. Tel.: 09-7476981 / 011-12116981 Fax : 09-7476981	CIMB Islamic Bank Berhad No.Akaun Bank : 8601801093

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No.Telefon/No.Fax	Perincian Bank
6.	Crystal Timur Computer Sdn. Bhd. (357-01001021)	PT.537, Wisma Crystal, Jalan Zainal Abidin 15050 KOTA BHARU. Tel.: 09-7433103/04 Fax : 09-7461352	Maybank Islamic Berhad No.Akaun Bank : 553010130325

2.2. Pelantikan pembekal tersebut adalah berdasarkan kepada kriteria:

- (i) Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan 210101 (Personal Komputer & Related Peripheral & Sevices) sehingga tempoh Kontrak.

3. TEMPOH KONTRAK

3.1. Perolehan ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun berkuatkuasa mulai **04 Februari 2019 sehingga 31 Disember 2019.**

4. ITEM DAN HAD HARGA PERALATAN KOMPUTER

4.1. Item peralatan dan harga siling bagi pembelian setiap unit peralatan komputer adalah sebagaimana berikut:-

JADUAL I

Bil.	PERALATAN	HAD SILING SEUNIT (RM)	PEMBEKAL
1.	Komputer Meja (Desktop) <u>Spesifikasi Minimum</u> Rujuk Lampiran A Model : ACER XC 885-8400W Aksesori Tambahan : Speaker atau Pendrive	2,500.00	1. Monaliza & Mastura Enterprise Sdn.Bhd. 2. AMCC IT SOUQ Center 3. Crystal Timur Computer Sdn. Bhd. 4. D Nasa (M) Sdn. Bhd. 5. AAA Seri Enterprise 6. East Computech System Sdn. Bhd.

Bil.	PERALATAN	HAD SILING SEUNIT (RM)	PEMBEKAL
2.	<p>Komputer Riba</p> <p><u>Spesifikasi Minimum</u> Rujuk Lampiran B</p> <p>Model : ACER E5 476G Aksesori Tambahan : Speaker atau Pendrive atau Wireless Mouse</p>	2,499.00	<p>1. Monaliza & Mastura Enterprise Sdn.Bhd.</p> <p>2. AMCC IT SOUQ Center</p> <p>3. Crystal Timur Computer Sdn. Bhd.</p> <p>4. D Nasa (M) Sdn. Bhd.</p> <p>5. AAA Seri Enterprise</p> <p>6. East Computech System Sdn. Bhd.</p>
3.	<p>Pencetak Hitam Putih</p> <p><u>Spesifikasi Minimum</u> Rujuk Lampiran C</p> <p>Model : HP M15A</p>	365.00	<p>1. Monaliza & Mastura Enterprise Sdn.Bhd.</p> <p>2. AMCC IT SOUQ Center</p> <p>3. Crystal Timur Computer Sdn. Bhd.</p> <p>4. D Nasa (M) Sdn. Bhd.</p> <p>5. AAA Seri Enterprise</p> <p>6. East Computech System Sdn. Bhd.</p>
4.	<p>Pencetak Warna (All In One)</p> <p><u>Spesifikasi Minimum</u> Rujuk Lampiran C</p> <p>Model : HP 2135</p>	228.00	<p>1. Monaliza & Mastura Enterprise Sdn.Bhd.</p> <p>2. AMCC IT SOUQ Center</p> <p>3. Crystal Timur Computer Sdn. Bhd.</p> <p>4. D Nasa (M) Sdn. Bhd.</p> <p>5. AAA Seri Enterprise</p> <p>6. East Computech System Sdn. Bhd.</p>

5. SPESIFIKASI MINIMUM PERALATAN KOMPUTER

- 5.1. Spesifikasi peralatan komputer yang dipohon dan dibekalkan oleh mana-mana pembekal kepada jabatan mestilah sama atau melebihi spesifikasi minimum yang ditetapkan sebagaimana di Jadual I dan Jadual II.

6. TEMPOH PENGHANTARAN PERALATAN KOMPUTER

- 6.1 Tempoh penghantaran peralatan komputer sebagaimana kontrak adalah tidak melebihi 2 minggu daripada tarikh pesanan kerajaan dikeluarkan.

7. KAEDAH PELAKSANAAN

- 7.1 Semua Jabatan Kerajaan Negeri dikehendaki mematuhi kaedah pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 4/2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3/2009.
- 7.2 Semua pembelian Aset yang tidak mengira had nilai hendaklah dipohon kelulusan bertulis daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum membuat pesanan daripada pembekal kontrak pusat.

8 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 8.1. Adalah menjadi kewajipan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi mematuhi peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan.

10. HAL-HAL LAIN

- 10.1 Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi pembekal yang kurang memuaskan (jika ada) ke Perbendaharaan Negeri.
- 10.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai pekeliling ini, jabatan/agensi boleh menghubungi Perbendaharaan Negeri, Bahagian Perolehan & Aset Kerajaan, Blok 4 Tingkat 2 Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan atau di talian telefon 09 – 7481957 (samb : 4207).

11. KUATKUASA

- 11.1 Jenis/kategori item komputer yang tidak dinyatakan di Jadual I di atas adalah tidak tertakluk kepada Pekeliling ini.


11.2 Pembelian peralatan komputer selain daripada pembekal sebagaimana di jadual I adalah tidak dibenarkan sama sekali melainkan dengan kelulusan bertulis dari Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.

11.3 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT ****

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM, D.P.S.K. (Kelantan)

Pegawai Kewangan Negeri

Kelantan.

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan.

PENYATA PESANAN

NAMA ITEM : PERALATAN KOMPUTER

BEKALAN BAGI BULAN : _____ / _____

BIL	NAMA AGENSI ¹	KAEDAH PEROLEHAN ²	NO. PESANAN/ TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI (RM)	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

Adalah disahkan bahawa penyata yang dinyatakan di atas benar,

Tandatangan Kontraktor :

Nama dan Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :

1. Nama Agensi Kerajaan/Badan Berkanun yang membuat pesanan
2. Kaedah Perolehan (sama ada pembelian terus atau sebut harga)

SPEKIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM KOMPUTER MEJA (DESKTOP)

BIL	PERKARA	SPEKIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Pemprosesan	8th Generation Intel® Core™ i5
2	Random Access Memory (RAM)	4GB DDR4 atau lebih
3	Kapasiti Cakera (Hard Disk)	1TB 7200 rpm SATA atau lebih
4	Optical Drive	SuperMulti DVD Burner (DVDR/W)
5	Kad Grafik (Grafic Card)	Intel® HD Graphics
6	Kad Rangkaian	Integrated 10/100/1000 Gbe LAN
7	Port USB	USB 2.0 @ 3.0 (4 port atau lebih)
8	Papan Kekunci dan Tertikus	Wireless
9	Sistem Pengoperasian (OS)*	Windows 10 atau setara
10	Microsoft*	Microsoft 2007 atau setara
11	Antivirus*	Terkini
12	Browser **	Chrome
13	Adobe Reader **	Adobe Reader 10 atau lebih
13	Monitor	Monitor 19" atau lebih @ touchscreen
14	Jaminan	1 tahun atau lebih
15	Aksesori Tambahan ***	Speaker dan Pendrive

**Hendaklah menggunakan yang asli/berlesen*

***Aplikasi yang wajib ada di dalam computer, perlu dipasang oleh pembekal*

****Bonus kepada jabatan*

SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM KOMPUTER RIBA (LAPTOP)

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Pemprosesan	8th Generation Intel® Core™ i5
2	Random Access Memory (RAM)	4 GB DDR4 atau lebih
3	Kapasiti Cakera (Hard Disk)	1 TB 7200 rpm SATA atau lebih
4	Optical Drive	SuperMulti DVD burner (DVDR/W)
5	Kad Grafik	Intel® HD Graphics
6	Network Interface	Integrated 10/100/1000 LAN/WiFi/Ethernet
7	Wireless Technologies	802.11/B/G/N
8	IO Interface	- USB Port, Microphone/Headphone Jack - Video Connection Output (VGA,HDMI,USB-C,Thunderbolt) - RJ11 dan RJ45 - Webcam
9	Papan Kekunci	Full Size Keyboard
10	Bateri	Up to 8 jam
11	Pengoperasian (OS)*	Windows 10 atau setara
12	Microsoft*	Microsoft 2007 atau setara
13	Antivirus*	Terkini
14	Browser **	Chrome
15	Adobe Reader **	Adobe Reader 10 atau lebih
16	Saiz Skrin	14” atau lebih @ skrin sentuh
17	Jaminan	1 tahun atau lebih
18	Aksesori Tambahan***	Speaker atau Pendrive atau Wireless Mouse

**hendaklah menggunakan yang asli/berlesen*

***Aplikasi yang wajib ada di dalam computer, perlu dipasang oleh pembekal*

****Bonus kepada jabatan*

SPESIFIKASI MINIMUM BAGI PENCETAK HITAM/PUTIH

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Kelajuan Prosesor	500 MHz
3	Kelajuan Mencetak A4	19 ppm
4	Masa Mencetak A4	8.4 saat
5	Kualiti Cetakan	600 x 600 dpi
6	Teknologi Digunakan	Laserjet
7	Bekas Input (Paper Tray)	1 atau lebih
8	Bil Kertas Dalam Tray	150 keping atau lebih
	Kemampuan Mencetak	1,000 halaman/sebulan
9	1 Toner Cartridge (Hitam)	Boleh mencetak lebih 500 halaman
10	Jaminan	1 Tahun atau lebih

SPESIFIKASI MINIMUM BAGI PENCETAK WARNA (ALL IN ONE)

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Teknologi Digunakan	Laserjet atau Inkjet
	Kelajuan Prosesor	360 MHz
	Resolusi Cetakan (Warna)	4800 x 1200 dpi
	Kelajuan Mencetak A4	5 ppm
	Masa Mencetak A4	14 saat
	Kemampuan Mencetak	400 halaman sebulan
	1 Toner Cartridge (Warna)	Boleh mencetak lebih 8,000 halaman
	Jaminan	1 Tahun atau lebih
PENGIMBAS (SCAN)		
11	Jenis	Flatbed
12	Resolusi	1200 dpi
FOTOSTAT (COPY)		
13	Kelajuan	4 cpm
14	Resolusi	300 x 300 dpi